

**Waythamoorthy pemenang besar selepas dilantik dalam pentadbiran Najib
Malaysian Insider
May 15, 2013
Oleh Ida Lim**

KUALA LUMPUR, 15 Mei — MIC kini berhadapan saingan daripada Hindraf sebagai suara masyarakat India dalam Kabinet susulan perlantikan mengejutkan pengerusi NGO pejuang hak masyarakat India dibawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membuat langkah mengejut apabila mengumumkan salah seorang tokoh pergerakan tersebut, P. Waythamoorthy sebagai timbalan menteri di jabatan perdana menteri.

Perlantikan beliau dilihat lebih kepada ganjaran kerana kejayaan mengembalikan semula sokongan masyarakat India kepada BN selepas pilihan raya umum 5 Mei lalu.

Pengundi masyarakat India sebelum ini sudah pun terpecah dengan penganalisis menekankan kelompok tersebut terbahagi kepada penyokong BN dan Pakatan Rakyat (PR).

Walaupun bagaimanapun, MIC mengekalkan empat jawatan dalam pentadbiran kerajaan pemerintah, dimana presiden Datuk Seri G. Palanivel dilantik sebagai menteri sumber asli dan alam sekitar, beliau sebelum ini berkhidmat sebagai menteri di jabatan perdana menteri.

Timbalan presidennya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam pula bertukar portfolio dilantik sebagai menteri kesihatan, jawatan yang sebelum ini menjadi tradisi dipegang oleh rakan komponen MCA.

Datuk M. Saravanan yang merupakan naib presiden MIC pula dilantik sebagai timbalan menteri belia dan sukan, sekaligus meninggalkan jawatan yang dipegangnya sebelum ini sebagai timbalan menteri wilayah persekutuan dan kesejahteraan bandar.

Pemimpin muda MIC, P. Kamalanathan pula dilantik sebagai timbalan menteri kedua pendidikan dan pengajian tinggi, selepas kedua-dua kementerian digabungkan pada Kabinet ke-13 yang diumumkan hari ini.

Dalam Pilihan Raya 2013 yang baru diumumkan, MIC memenangi empat daripada sembilan kerusi Parlimen yang ditandingi, melebihi satu kerusi daripada keputusan pilihan raya 2008 dan jumlah sama diperolehinya pada pilihan raya sebelum ini.

Namun, parti utama masyarakat India tersebut hanya memenangi lima kerusi dewan undangan negeri daripada 18 yang ditandinginya, jumlah yang lebih sedikit berbanding tahun 2008 yang diperolehinya sebanyak tujuh kerusi.

Kurang tiga minggu sebelum pilihan raya, Waythamoorthy menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan kerajaan BN yang diketuai Najib, langkah yang dilihat bertujuan untuk memulihkan kedudukan ekonomi masyarakat India selepas rundingan dengan pembangkang Pakatan Rakyat (PR) gagal.

Beberapa hari selepas menandatangani dokumen tersebut, abangnya dan juga pengasas bersama P. Uthayakumar berkata Waythamoorthy telah dipecat daripada pergerakan tersebut sebagai pengerusi.

Hindraf atau lebih dikenali sebagai Hindu Rights Action Force, banyak yang telah berlaku selepas pergerakan tersebut memimpin lebih 30,000 kaum India yang marah berarak menentang kerajaan beberapa bulan sebelum pilihan raya 2008 yang bersejarah.

Kumpulan tersebut dilihat berpecah, dengan sesetengahnya menyertai Parti Makkal Sakhti Malaysia (MMSP), yang menyokong BN dan selebihnya menyertai parti PR terutamanya DAP dan PKR.

Hindraf sendiri kelihatan mengecil dan terima kasih kepada penarikan semula pengharaman, kumpulan tersebut kembali meneruskan perjuangan mereka.

Masyarakat India meliputi 950,000 daripada jumlah keseluruhan 13.3 juta pengundi yang berdaftar dan merupakan kumpulan minoriti signifikan 60 daripada 222 kerusi Parlimen.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mic-hadapi-saingan-hindraf-dalam-kabinet/>